

SURAT BERITA - EDISI 11

FEBRUARI 2023

Kepada semua responden berbangsa Cina, Selamat Tahun Baru Cina! Kami harap anda seronok bercuti semasa tahun baru dan dapat meluangkan masa bersama rakan-rakan dan yang tersayang.

Dalam isu kali ini, kami membuat sorotan beberapa acara utama yang telah diadakan di ROSA dalam masa beberapa bulan lalu, dan membentangkan dapatan baharu berkenaan celik digital daripada tinjauan yang telah dilakukan pada November 2022.

Simposium Tahunan ROSA yang Kedua berkenaan Penuaan yang Berjaya

Simposium Tahunan ROSA yang kedua berkenaan Penuaan yang Berjaya telah diadakan pada 1 November 2022 di bangunan baharu Fakulti Sains Sosial/Kolej Kajian Bersepadu (SOSS/CIS) yang baru dibuka di Universiti Pengurusan Singapura (SMU). Bertemakan "Kemajuan Kesihatan Usia Emas - Memupuk Nilai Kesihatan di kalangan Warga Emas", pelbagai acara diadakan merangkumi topik yang menggalakkan penuaan secara sihat, menambah baik keupayaan fungsian warga emas, dan menangani penjagaan dan cabaran kajian berkenaan pelbagai morbiditi dan polifarmasi. Dapatan yang dibentangkan dan dibincangkan semasa simposium, menyorot kepentingan penggunaan pendekatan yang melibatkan seluruh masyarakat dalam kaedah pencegahan untuk menjaga kesihatan. Profesor Lily Kong, Presiden SMU, telah sudi menghadiri majlis sebagai Tetamu Kehormat dan dalam ucapannya mengakui keperluan untuk menyokong penuaan secara sihat dan kelestarian sosial di Singapura melalui pendekatan penjagaan kesihatan pencegahan. Beliau juga menegaskan keperluan untuk membuat lebih banyak pelaburan dalam sumber manusia dan keupayaan intrinsik bagi rakyat warga emas.

Seramai lebih daripada 266 orang peserta menghadiri simposium sama ada secara fizikal atau maya, yang mewakili lebih daripada 27 organisasi yang berbeza! Di samping itu, dan buat pertama kali, 59 orang ahli daripada Panel Hayat Singapura® ROSA telah turut hadir. Kami gembira anda berusaha meluangkan masa menghadiri acara ini dan kami berharap akan berjumpa anda lagi dalam acara lain.



Tetamu Kehormat Simposium, Profesor Lily Kong, Presiden SMU, sedang menyampaikan ucapannya.



Gambar berkumpulan peserta simposium kami yang hadir hingga majlis tamat!

Untuk mendapatkan ulasan penuh pembentangan dan perbincangan yang telah diadakan, anda boleh mengimbas kod QR di bawah pada ringkasan acara di laman web ROSA kami:



Sesi Perjumpaan SLP @SMU

ROSA telah menganjurkan tiga perjumpaan dengan ahli SLP pada bulan Oktober 2022, Disember 2022 dan Januari 2023. Sesi perjumpaan ini memberi peluang kepada ROSA untuk menyatakan penghargaan kami atas sokongan berterusan yang diberikan oleh ahli SLP kami selama ini, dan memberi laluan untuk pasukan kami mendengar secara langsung daripada para ahli tentang isu yang anda hadapi. Sebagai salah satu agenda kunjungan mereka ke SMU, ahli SLP telah dibawa melawat bangunan baharu kami dan mengambil bahagian dalam sesi perbincangan berkenaan kebimbangan kos sara hidup dan jenis bantuan yang berguna untuk warga emas. Kami ucapkan terima kasih atas perbincangan yang sangat bermakna dan perkongsian pendapat dengan kami! Kami akan mengadakan sesi bersama ahli SLP secara berterusan, oleh itu, nantikan e-mel jemputan kami dalam masa beberapa bulan akan datang.




Ahli SLP yang telah menyertai sesi perjumpaan kami pada Oktober (atas) dan Disember 2022 (bawah). Terima kasih kerana menyertai kami!

Dapatan ringkas daripada tinjauan kami

Pada November 2022 kami telah mengemukakan modul soalan yang bertanyakan tahap celik digital anda dan pada asasnya, orang yang anda rujuk untuk membantu anda belajar menggunakan teknologi digital tertentu. Ini ialah perkara penting kerana banyak cara komunikasi dan proses telah didigitalkan sejak pandemik COVID-19 melanda. Kami juga telah menerima maklum balas daripada ahli SLP berkenaan kebimbangan keselamatan penggunaan teknologi digital.

Gambar rajah 1: Orang yang dirujuk oleh responden untuk membantu mempelajari teknologi baharu.




Nota: Di atas ialah kadar responden yang bergantung kepada setiap sumber bantuan sekurang-kurangnya 'sedikit'. Kadar dikira daripada mereka yang mempunyai sumber bantuan tersedia untuk mereka, contohnya 94.5% wanita **yang mempunyai anak** bergantung kepada anak-anak mereka sekurang-kurangnya 'sedikit'.

Keputusan menunjukkan ahli SLP berkemungkinan besar bergantung kepada bantuan anak-anak jika mereka mempunyai anak, dengan 94.5% wanita dan 92.1% lelaki bergantung kepada anak-anak mereka untuk belajar menggunakan teknologi baharu. Kami juga mendapati dalam kalangan responden yang mempunyai adik-beradik dan cucu, wanita lebih berkemungkinan meminta bantuan adik-beradik dan cucu berbanding lelaki, dengan 13.4% lebih ramai wanita yang mempunyai adik-beradik meminta bantuan adik-beradik berbanding lelaki, dan 16.3% lebih ramai wanita yang mempunyai cucu meminta bantuan cucu berbanding lelaki. Hal ini mungkin disebabkan perbezaan keakraban hubungan antara lelaki dan wanita dengan adik-beradik dan cucu mereka, iaitu kaum wanita mungkin lebih rapat dengan adik-beradik dan cucu mereka.

Secara keseluruhan, kami juga mendapati responden lebih bergantung kepada sumber bantuan yang rapat dengan mereka, seperti anak-anak, rakan, rakan sekerja, atau pasangan berbanding jiran atau usaha yang dijalankan oleh kerajaan atau organisasi bukan kerajaan.

Gambar rajah 2: Kadar responden yang berasa sekurang-kurangnya 'agak yakin' mempelajari kemahiran digital baharu dengan atau tanpa bantuan orang lain.



Di samping itu, kami juga mendapati responden berasa lebih yakin mempelajari kemahiran digital baharu apabila mereka mendapat bantuan orang lain berbanding belajar sendirian. Secara purata, 21.3% lebih ramai responden berasa sama ada 'agak' atau 'sangat' yakin mereka boleh menguasai kemahiran digital dengan bantuan orang lain. Dapatkan ini menunjukkan kepentingan hubungan sosial yang boleh dirujuk untuk membantu mempelajari kemahiran baharu, terutamanya dalam bidang digital. Keyakinan keupayaan mempelajari kemahiran digital baharu ialah langkah pertama yang penting untuk menjadi lebih celik digital. Oleh itu, memandangkan kurang daripada separuh responden menyatakan mereka bergantung kepada usaha awam untuk mempelajari kemahiran digital baharu, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar rajah 1 di atas, kami ingin menggalakkan responden untuk mempertimbangkan menghadiri salah satu daripada program yang banyak diadakan secara umum (dan yang lebih penting ia percuma) yang bertujuan untuk membantu warga emas mempelajari kemahiran digital baharu. Terutamanya untuk mereka yang tiada sesiapa untuk mendapatkan bantuan. Untuk maklumat lanjut berkenaan usaha ini, anda boleh melawat laman web *Warga Emas Digital* di www.imda.gov.sg/en/seniorsgodigital.

Kerjasama dengan Pihak Luar

Pada Disember 2022, ROSA telah menandatangani kerjasama dengan Insurans Pendapatan Berhad untuk meneliti daya tahan holistik rakyat Singapura. Sebagai sebahagian daripada kajian, 1,000 orang ahli SLP dan 1,000 orang responden baharu berumur antara 25-50 tahun telah dijemput untuk menyertai tinjauan untuk menilai tahap daya tahan mereka. Projek ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis sumber yang boleh mengukuhkan tahap daya tahan dan membantu membangunkan intervensi yang boleh mengurangkan kesan terhadap kesejahteraan. Kami tidak sabar untuk berkongsi hasil kerjasama penting ini yang dijadualkan untuk dilancarkan pada suku kedua 2023.

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (**10 pagi hingga 5 petang**, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.